

Wanita

Indonesia

didenda kerana judi, dipenjara kerana masuk secara haram

KUCHING: Seorang wanita warga Indonesia berusia 25 tahun didenda RM2,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah berjudi di tempat awam menggunakan telefon bimbit.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Erni Muslihat selepas dia membuat pengakuan bersalah di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen berkenaan memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan, atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati berjudi menggunakan telefon pintar ketika satu serbuan ke atas sebuah premis di Lorong Komersial Swan 1, Matang, kira-kira jam 11.55 malam pada 24 April lalu.

Antara barangan yang dirampas semasa serbuan ialah sebuah telefon pintar, sekeping kertas mengandungi ID dan kata laluan, serta wang tunai berjumlah RM54.

Sementara itu, di Mahkamah Sesyen di sini pada hari yang sama, tertuduh turut dijatuhi hukuman penjara lapan bulan selepas mengaku bersalah memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah.

Mahkamah turut memerintahkan supaya tertuduh dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selepas selesai menjalani hukuman penjara.

Bagi kesalahan tersebut, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.